

**Perkasa buat laporan polis dakwaan Anuar
Utusan Online
08 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 7 Mac - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) hari ini membuat laporan polis berhubung pendedahan bekas setiausaha sulit Datuk Seri Anwar Ibrahim, Anuar Shaari bahawa beliau bersama ketua pembangkang itu dilatih membawa demokrasi ala Amerika Syarikat (AS).

Laporan itu dibuat di Balai Polis Dang Wangi berikutan laporan dalam akhbar *Utusan Malaysia* hari ini yang memetik kenyataan Anuar bahawa perkara itu telah lama berlaku dan beliau sendiri pernah melalui pengalaman dididik dengan doktrin tersebut.

Menurut Ketua Wira Perkasa, Irwan Fahmi Ideris, kenyataan Anuar yang diakui bekas Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, Mohammad Fairus Khairudin amat serius kerana ia membabitkan institusi raja-raja, badan kehakiman dan polis.

"Laporan polis tersebut dibuat bagi membolehkan pihak polis menjalankan siasatan terhadap dakwaan mereka untuk mengesahkan sama ada ia benar atau sebaliknya.

"Anuar mengaku ketika bersama Anwar, dia menjadi saksi bagaimana bantuan kewangan dan latihan secara berkala disalurkan oleh AS melalui Institut Demokrasi Kebangsaan (NDI) dan Institut Republikan Antarabangsa (IRI) serta sebuah NGO dari Jerman.

"Sehubungan itu, diharap pihak berkuasa menyiasat mana-mana pihak termasuk NGO-NGO negara ini yang masih menerima dana dan latihan daripada institut-institut tersebut serta dalang sebenar gerakan itu kerana dibimbangi ia boleh mengancam keselamatan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas membuat laporan polis pada pukul 3.30 petang ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Anwar mendapat sokongan AS bagi menggulingkan kerajaan ternyata benar apabila ia diakui sendiri beberapa bekas pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Menurut Anuar, mereka dididik bukan sahaja untuk membawa demokrasi ala AS bahkan turut diajar supaya menyerang pelbagai institusi penting di negara ini bagi membangkitkan kemarahan rakyat sekali gus menjayakan kebebasan bersuara.

Mohammad Fairus pula mendakwa, IKD sebuah badan pemikir yang rapat dengan Anwar merupakan salah sebuah NGO yang mendapat dana asing.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0308&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm